



# INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

## PEMANTAUAN BEKALAN AYAM

1 NOVEMBER | SELANGOR, NEGERI SEMBILAN DAN PUTRAJAYA

Susulan daripada keputusan Kerajaan untuk melepaskan harga kawalan ayam, pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan tinjauan pada hari pertama pengapungan harga ayam di sekitar kawasan Selangor, Negeri Sembilan dan Putrajaya pada hari ini untuk melihat ketersediaan daripada segi bekalan dan harga yang ditawarkan di pasaran.

### Selangor

Tinjauan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan mendapati harga ayam standard dijual dengan harga RM9.40 sekilogram dengan cas perkhidmatan pemotongan sebanyak 50 sen.

Manakala, di Pasar Raya Eonsave Kota Warisan Sepang, harga ayam standard dijual pada harga RM8.39 sekilogram. Di Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) Sungai Merab, harga ayam super dijual pada harga RM9.20 sekilogram.

### Negeri Sembilan

Pemantauan yang dibuat di sekitar Nilai pula mendapati harga ayam standard adalah pada kadar berpatutan. Di Pasar Awam Sementara Nilai, harga ayam standard adalah pada kadar RM9.40.

Manakala di Pasar Raya Giant Superstore Nilai, harga ayam standard adalah RM7.89 sekilogram dan harga ayam standard di Lotus Nilai Putra pula dijual pada harga RM7.39 sekilogram.

### Putrajaya

Di Putrajaya, harga ayam super di Pasar Raya Mydin dijual pada harga RM7.99 sekilogram dan di Peladang Outlet PPK Putrajaya pula berharga RM9.00 sekilogram.

Secara keseluruhan, harga ayam yang dijual adalah di antara RM7.39 hingga RM9.40 sekilogram dan tiada peningkatan harga sepanjang rantaian bekalan yang dicatatkan berdasarkan pemantauan dilaksanakan dan pengguna mempunyai pelbagai pilihan daripada segi harga jualan serta jenis ayam yang dijual berdasarkan lokasi dan tempat jualan.

Aspek bekalan juga adalah stabil dan mencukupi untuk keperluan pengguna. Pihak KPKM akan terus bekerjasama erat bersama pihak KPND dalam memastikan kestabilan bekalan ayam di pasaran serta memantau secara dekat mengenai sebarang aktiviti pencatutan yang dilaporkan.

Pemantauan ini diketuai oleh Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM turut disertai oleh En. Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA dan pegawai-pegawai KPKM serta FAMA.



## TASKFORCE OPERASI BERSEPADU BERAS TEMPATAN (OP BPT) DILANJUTKAN DUA MINGGU

3 NOVEMBER | KUALA LUMPUR

Mesyuarat Mingguan Taskforce Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (OP BPT) Bilangan ke-5 telah diadakan pada Khamis lalu, di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Mesyuarat telah bersetuju supaya taskforce ini dilanjutkan dua (2) minggu lagi sehingga 17 November 2023 bagi mempergiatkan operasi terutama di Sabah dan Sarawak kerana melibatkan isu penyeludupan beras putih import (BPI) bersubsidi ke negara jiran.

Melalui pelanjutan tempoh ini, penguatkuasaan secara bersepadu akan terus dijalankan di pintu masuk sempadan Sabah dan Sarawak serta diperketatkan lagi melalui taskforce ini bagi mengelakkan ketirisan subsidi dan pembaziran wang negara.

Sehingga 1 November 2023, pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menjalankan 196 pemeriksaan premis melibatkan 71 kilang, 113 pemborong dan 12 peruncit di Semenanjung Malaysia.

Sehingga kini, terdapat tiga (3) kes sedang disiasat di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan sembilan (9) kes di bawah KPND.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin mengingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati menukar kempit atau mencampurkan BPT dengan BPI, menyeludup keluar BPI atau menyembunyikan bekalan BPT.

Orang ramai yang mempunyai aduan atau maklumat berkenaan isu bekalan beras, boleh menyalurkannya melalui hotline aduan 03-8870 2393/2207.



## PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

3 NOVEMBER | JAKAR, SARIKEI

Program Jualan Agro Madani yang telah diadakan pada hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk sekitar Jakar, Sarikei.

Pengarah FAMA Negeri Sarawak, Encik Ramli bin Mat Sani bersama YB Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead telah melancarkan Program Jualan Agro MADANI di G-Mart Superstore, Jakar, Sarikei.

Jualan Agro Madani memberi ruang pilihan kepada para pengguna untuk mendapatkan bekalan terus dari pengeluar agromakanan dengan penyimpanan kepada pengguna sehingga 30%.

Teruskan mengikuti Facebook page Laman Sosial Rasmi FAMA Negeri Sarawak untuk mengetahui lokasi program seterusnya serta maklumat berkaitan FAMA.



# KUNJUNGAN HORMAT MENTERI PERTANIAN IRELAND KE ATAS YB MENTERI KPKM

6 NOVEMBER | MENARA LPP, KUALA LUMPUR

Kunjungan hormat dari Menteri Pertanian Ireland, Martin Heydon diiringi TYT Orla Tunney, Duta Besar Ireland ke Malaysia di Menara Pertubuhan Peladang Kebangsaan (LPP), Kuala Lumpur petang ini.

Dalam pertemuan sebentar tadi, YB Menteri KPKM menekankan tentang kerjasama erat yang perlu diperkukuhkan antara Malaysia dan Ireland dalam bidang perdagangan agromakanan seperti pertanian, perikanan dan ternakan bagi meningkatkan tahap sekuriti makanan di kedua-dua negara.

Turut dibincangkan, adalah bagaimana untuk mengembang dan merangsang lagi pelaburan serta perdagangan di antara Malaysia dan Ireland.

Kerjasama strategik perlu diperluaskan lagi dengan menarik pelabur yang berminat supaya akhirnya akan memberi manfaat kepada keterjaminan makanan di kedua-dua negara.



# BEKALAN BENIH PADI SAH KURANG? TASK FORCE OPERASI BENIH PADI SAH (OP BPS) DILANCARKAN

8 NOVEMBER | KUALA LUMPUR

KPKM memandang serius berkaitan kekurangan bekalan Benih Padi Sah (BPS) dalam pasaran kerana ia merupakan isu kritikal yang perlu ditangani segera. Sehubungan dengan itu, KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melancarkan Task Force Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara bermula 7 November 2023.

Task Force OP BPS ini melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak bertujuan bagi memastikan bekalan pagedaran dan penjualan BPS mencukupi serta mematuhi harga kawalan runcit baharu berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah KPB Bilangan 6/2023.

Task Force OP BPS di peringkat Zon Utara menasaskan pengeluar BPS dan agen peruncit di negeri Kedah yang mendapat kebenaran menjual benih padi sah kepada pesawah.

Tempoh pelaksanaan Task Force OP BPS ini diadakan selama dua (2) minggu bermula 7 November 2023 sehingga 21 November 2023.

Sekiranya didapati ada pihak gagal untuk mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522], Kementerian melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak untuk membatalkan SERTA MERTA atau menggantung setiap lesen yang telah dikeluarkan.

Sebarang maklumat atau aduan berhubung isu mengenai kekurangan bekalan BPS di pasaran, sila kemukakan aduan secara rasmi bersama butiran dan maklumat yang lengkap melalui saluran berikut:  
 i. Portal Aduan KPB : <https://skpb.kpk.gov.my/adu>  
 ii. E-mel Rasmi ( aduankpb@kpk.gov.my )  
 iii. Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya : 03-88701751/1748/1183

# SAMBUTAN KESEDARAN WAAW 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN & PELANCARAN PELAN TINDAKAN KERINTANGAN ANTIMIKROB MALAYSIA (MYAP-AMR) 2022-2026

18 NOVEMBER | IOI GRAND EXHIBITION & CONVENTION CENTRE, IOI MALL PUTRAJAYA

**Kerintangan Antimikrobial (AMR)** berlaku apabila bakteria, virus, kulat dan parasit tidak lagi bertindak balas terhadap antibiotik dan kerintangan ini akan menjadikan jangkitan sesuatu penyakit menjadi sukar untuk dirawat. Penggunaan antibiotik secara berlebihan pada haiwan ternakan bagi tujuan penggemukan juga salah satu punca utama AMR terjadi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta pelbagai kementerian, universiti, persatuan profesional dan organisasi berkaitan, membawa harapan agar semua pihak termasuk penternak dan orang awam cakna dengan kesan AMR dan dalam masa yang sama membangunkan **Pelan Tindakan Kerintangan Antimikrob Malaysia (MyAP-AMR) 2022-2026** kesinambungan kepada pelan tindakan pertama yang dilaksanakan bagi tempoh 2017-2021.

Majlis telah dirasmikan oleh YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan di Serdang, hari ini.

Turut hadir, YBrs. Dr Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr Suratun Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan YBhg. Datuk Dr Nor Fariza Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal).

# MAJLIS PERASMIAN HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN KEBANGSAAN 2023

11 NOVEMBER | IPOH PERAK

Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan 2023 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri.



## PATUHI HARGA JUALAN PADI BENIH YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK KERAJAAN RM45 PER KAMPIT 20KG

15 NOVEMBER | KEDAH

Susulan aduan yang diterima daripada beberapa pertubuhan petani dan pesawah berkaitan dengan kelewatan bekalan serta harga jualan Padi Sah (BPS) yang dijual melebihi harga yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, YB Menteri KPKM menjalankan pemantauan dan pemeriksaan pada hari Selasa, 14 November 2023 di dua buah kilang yang mendapat permit mengeluarkan BPS di negeri Kedah.

Hasil pemeriksaan yang dibuat telah dapat mengenalpasti beberapa isu yang menyebabkan gangguan bekalan BPS ketika ini.

Justeru, YB Menteri KPKM mengarahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bersama Kawalselia Padi dan Beras, Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta pengilang BPS untuk menyelesaikan isu ini dengan kadar segera.

Pihak pengilang BPS turut memberikan komitmen untuk membekalkan BPS dengan kadar segera kepada MADA.

Bagi kawasan-kawasan di luar seliaan MADA, YB Menteri KPKM telah mengarahkan pemeriksaan dan penguatkuasaan dipertingkatkan. Tindakan yang tegas mesti dikenakan ke atas mana-mana pihak yang gagal mematuhi arahan penjualan padi benih pada harga RM45 per kampit 20kg.

Kerjasama dari semua pihak amat diharapkan supaya segala isu-isu berbangkit dapat diselesaikan dengan segera bagi memastikan proses penanaman padi dapat mematuhi jadual telah ditetapkan.



## MAJLIS PELEPASAN PENGEDARAN KIT MAKANAN MONSUN TIMUR LAUT BAGI TAHUN 2023-2024

15 NOVEMBER | PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA KUALA SELANGOR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membekalkan sebanyak 60,000 unit kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diedarkan kepada mangsa yang terlibat bencana di seluruh negara.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Kit makanan ini sebagai bantuan awal kepada setiap keluarga mangsa bencana melibatkan makanan keperluan asas dan juga produk *ready to eat* yang dibekalkan oleh usahawan-usahawan tempatan.

Turut hadir Tuan Haji Aminuddin bin Zulkpli, Pengerusi FAMA, Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA dan Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Ketua Pengarah NADMA.



## MESYUARAT MENTERI KPKM DENGAN EXCO-EXCO PERTANIAN

16 NOVEMBER | KUALA LUMPUR

Cadangan untuk menggubal Enakmen Pendaftaran Petani telah dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco Pertanian Negeri Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan secara hibrid pada 15 November 2023.

Penggubalan Enakmen Pendaftaran Petani adalah bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data raya yang merekodkan dan mendaftarkan petani di Malaysia.

Melalui usaha ini, kerja-kerja untuk mengenalpasti bilangan sebenar petani yang terlibat dalam sektor pertanian dapat memudahkannya Kerajaan menyalurkan bantuan dan insentif kepada petani.

Selain itu ianya juga dapat dijadikan rujukan semua pihak khususnya dalam merancang pembangunan sektor agromakanan serta mengelakkan berlaku ketirisan dalam pemberian bantuan kepada petani.

Mesyuarat ini yang dipengerusikan YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Exco Pertanian daripada 13 Negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pegawai Kanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Ketua Jabatan dan Agensi KPKM.

Agenda mesyuarat kali ini merangkumi sebelas (11) pembentangan, iaitu dua (2) Kertas Pertimbangan dan sembilan (9) Kertas Makluman.

Antara kertas pertimbangan yang dibentangkan adalah mengenai Cadangan Pewujudan Kawasan Khusus Pertanian Organik di peringkat Negeri.

Pewujudan kawasan yang dicadangkan ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN2.0), Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 serta Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs), di mana pertanian organik adalah salah satu aktiviti yang diberi tumpuan dalam menangani cabaran global yang kritikal melalui amalan mesra alam serta keselamatan kepada pengguna.

Mesyuarat juga mengambil maklum berkenaan dengan Inisiatif Penguatkuasaan Data Sektor Pertanian dan Agromakanan yang memerlukan sokongan tadbir urus data daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan data pertanian yang terkini dan *reliable* merentas masa.

Mesyuarat hari ini turut mengambil maklum akan situasi bekalan beras dan benih padi negara serta status pelaksanaan Jualan Agro Madani menjadi salah satu wadah yang sangat signifikan dalam mendukung hasrat kerajaan bagi menstruktur semula ekonomi dan menyediakan kehidupan yang berkualiti kepada rakyat.

Selain itu juga, mesyuarat dimaklumkan berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Negara berhubung Cadangan Hasrat Penubuhan Lembaga Perindustrian Nanas, Kelapa dan Durian yang dilihat dapat memperkukuhkan komoditi tersebut diperingkat global.

Mesyuarat turut mengambil maklum akan senarai Invasive Alien Species (IAS) di dalam Tanaman, Ternakan dan Haiwan Akuatik yang memberi impak negatif kepada sektor pertanian dan biodiversiti negara.

Di samping itu, mesyuarat mengambil maklum akan cadangan KPKM untuk menambah baik Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 dengan memasukkan Bubunaga atau bubu kamban (*China Prawn Net Trap*) sebagai tambahan peralatan menangkap ikan yang dilarang dalam senarai jadual kerana telah menimbulkan konflik sosial dengan nelayan berlesen yang mengoperasikan peralatan pukat hanyut disebabkan oleh kerosakan yang berlaku terhadap pukat akibat tersangkut kepada bubu naga.

Kertas makluman berkenaan pelaksanaan Program Agropreneur Muda turut dibentangkan di dalam mesyuarat ini sebagai satu usaha KPKM untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian.

Mesyuarat ini akan terus dijadikan platform sebagai salah satu usaha kolaboratif dengan Kerajaan Negeri yang dapat memperkasa sektor pertanian negara melalui peningkatan produktiviti, penguatkuasaan sistem sokongan dan perkhidmatan, pengurusan sumber secara mampan serta penggalakkan pelaburan dan penglibatan sektor swasta untuk meningkatkan sekuriti makanan, memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selari dengan DAN 2.0 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara.



# LENSA KPKM



## SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
**DATUK LOKMAN HAKIM** AI  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
**MOHAMMAD  
EZRI BIN  
SHAMSUDDIN**

**EDITOR:**  
**MAHAZIR BIN  
YUSUFF  
NURIL  
MUTMAINNAH  
BINTI ROSLAN**

**PENULIS:**  
**SAIYASWARY  
A/P  
SURNARAYANA**

**GRAFIK:**  
**NABILLAH  
BINTI  
ZAMRI**

**JURU FOTO:**  
**MOHAMAD  
YASIN BIN  
JAMAL  
MOHD NAJIB BIN  
ABDUL JABAR**

**IDEA, KONSEP &  
TERBITAN:**  
**UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, KPKM**